From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SELAMAT BERSARA, MOHTAR HASIM, BURSAR UUM
Date: Thursday, 13 August, 2026 1:02:35 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 OGOS 2026 / 29 SAFAR 1448H
==========

Oleh: Kori Ariff dan Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

SELAMAT BERSARA, MOHTAR HASIM, BURSAR UUM



UUM ONLINE: Semalam, satu rakaman waktu keluar di mesin perakam kehadiran menjadi saksi kepada noktah sebuah perjalanan panjang. Bukan sekadar catatan waktu, tetapi detik terakhir Mohtar Hasim melangkah keluar sebagai warga Universiti Utara Malaysia (UUM) setelah lebih dua dekad menabur bakti di bumi Sintok.

Hari ini, 13 Ogos 2026, genaplah usia beliau 60 tahun. Bersama angka itu, berakhirlah sebuah perjalanan kerjaya yang dibina dengan amanah, ketelitian, integriti dan keteguhan prinsip dalam menjaga setiap sen dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Petang yang syahdu itu menjadi lebih bermakna apabila Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed turut hadir bersama-sama beliau merakamkan detik terakhir sebagai seorang staf UUM.

Barangkali, sukar untuk mencari kata yang benar-benar mampu menggambarkan perasaan pada saat seseorang melangkah keluar buat kali terakhir dari sebuah tempat yang telah menjadi sebahagian daripada hidupnya.



Namun, bagi mereka yang pernah bekerja bersama beliau, satu pertanyaan pasti akan terus melekat dalam ingatan:

“Kita ikut peraturan, atau peraturan ikut kita?”

Itulah antara kata-kata ikonik yang menjadi cerminan prinsip beliau sepanjang memikul amanah sebagai seorang pemimpin.

Bagi Mohtar, peraturan bukan sekadar helaian pekeliling atau garis panduan yang perlu dipatuhi, sebaliknya menjadi tunjang dalam memastikan setiap amanah dilaksanakan dengan tertib, telus dan penuh tanggungjawab.

Ketegasan itu menjadi identiti beliau. Namun, di sebalik ketegasan tersebut, tersimpan jiwa seorang pemimpin yang sentiasa terbuka kepada perubahan dan pembaharuan.



Beliau pernah menerajui Task Force Sistem FIMS, membuktikan bahawa berpegang teguh kepada prinsip tidak bermakna menolak perubahan. Sebaliknya, ketegasan dan inovasi mampu berjalan seiring demi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan terus bergerak ke hadapan.

Di sepanjang perjalanan itu, tentu ada ranjau dan liku yang perlu ditempuh. Namun, beliau memilih untuk berdiri teguh, menjadikan setiap cabaran sebagai sebahagian daripada perjalanan kehidupan.

Falsafahnya cukup sederhana tetapi sarat makna, “Segala yang baik adalah falsafah hidup”, manakala pegangan yang sering disimpul dalam bait pantun dua kerat, “Tak hidup dek puji, tak mati dek keji” menjadi cerminan keteguhan hati seorang insan yang memilih untuk terus melakukan yang terbaik tanpa terlalu mendambakan pujian.

Latar Belakang

Dilahirkan di Kuang, Selangor sebagai anak bongsu kepada Puan Sujar dan Allahyarham Hasim, Mohtar membesar dalam sebuah keluarga yang diuji dengan kehilangan sejak usia yang sangat kecil apabila bapanya meninggal dunia ketika beliau masih bayi.



Namun, kehilangan itu tidak pernah memadamkan semangatnya.

Di bawah kasih sayang ibu tercinta serta belaian kakak dan abang, beliau membesar sebagai seorang anak yang cekal, lalu melangkah mendaki tangga pendidikan dari Kuang sehingga ke Sekolah Menengah Teknik Cheras.

Keteguhan jiwa itu sekali lagi terserlah apabila beliau membuat keputusan berani untuk mengubah haluan pengajian daripada bidang Sains ketika mengikuti Program Matrikulasi Melaka kepada bidang Perakaunan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Keputusan tersebut akhirnya menjadi titik penting yang membuka lembaran baharu dalam kehidupannya, membawa beliau ke dunia angka dan kewangan yang kemudiannya menjadi sebahagian besar daripada perjalanan kerjayanya.

Kerjaya beliau bermula pada tahun 1990 menerusi pengalaman di beberapa institusi kewangan termasuk firma audit, Kewangan Usaha Bersatu Berhad (KUBB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN).



Pada tahun 2002, perjalanan itu menemukan beliau dengan UUM apabila dilantik sebagai Ketua Penolong Bendahari.

Sejak itu, bumi Sintok menjadi saksi kepada 24 tahun perjalanan khidmat beliau.

Sepanjang tempoh tersebut, beliau mencurahkan bakti menerajui pelbagai unit penting di Jabatan Bendahari, antaranya Unit Terimaan dan Biasiswa, Unit Bayaran dan Gaji, Unit Pinjaman, Subsidiari dan Kawalan Kredit, Unit Audit Dalam serta Unit Bajet dan Pelaburan.

Ketelitian, ketegasan dan prinsip “follow the book” yang menjadi pegangan beliau akhirnya membawa Mohtar ke puncak kepimpinan dalam pengurusan kewangan universiti.

Pada tahun 2023, beliau dipinjamkan sebagai Ketua Audit Dalam di Unit Audit Dalam, Jabatan Canselori sebelum kembali menyumbang sebagai Timbalan Bursar pada awal tahun 2024.



Kemuncak perjalanan kerjaya beliau di UUM hadir pada Oktober 2025 apabila beliau diberi kepercayaan menggalas amanah tertinggi sebagai Bursar atau Bendahari UUM.

Sepanjang perkhidmatan, dedikasi dan kecemerlangan beliau turut diiktiraf menerusi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak dua kali, masing-masing pada tahun 2008 dan 2018.

Selamat Bersara, Mohtar Hasim

Dan hari ini, setelah segala amanah dilunaskan dengan sebaiknya, tibalah masa untuk beliau menutup satu lembaran dan membuka lembaran kehidupan yang baharu.

Mesin perakam waktu yang selama ini menjadi saksi kepada rutin harian beliau akhirnya merekodkan satu detik terakhir.

Namun, sesungguhnya, persaraan bukanlah pengakhiran kepada sebuah jasa.



Ia adalah waktu untuk seorang insan yang telah begitu lama memberikan dirinya kepada organisasi, kini kembali menikmati waktu yang lebih lapang bersama keluarga tercinta.

Di samping isteri tersayang, Sarimah Jantan bersama dua anak, semoga hari-hari mendatang menjadi ruang untuk beliau menikmati setiap detik yang mungkin dahulu sering terlepas kerana tuntutan tugas dan amanah.

Terima kasih, Mohtar Hasim

Terima kasih atas setiap titik peluh, setiap teguran yang mendidik, setiap ketegasan yang membentuk disiplin, setiap keputusan yang dibuat demi menjaga amanah serta setiap pengorbanan yang mungkin tidak semuanya sempat disebut.

Hari ini, mungkin nama beliau tidak lagi tercatat pada mesin perakam waktu sebagai seorang staf UUM.

Namun, jejak seorang penjaga amanah tidak pernah terpadam hanya kerana langkahnya berhenti di pintu pejabat.

Jasanya akan terus hidup dalam ingatan mereka yang pernah bekerja bersamanya, dalam sistem yang pernah diperjuangkannya dan dalam nilai integriti yang diwariskannya kepada generasi selepasnya.



Semoga alam persaraan ini menghadirkan ketenangan selepas panjangnya perjalanan, kesihatan yang berpanjangan, kebahagiaan yang tidak bertepi bersama keluarga serta kehidupan yang sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Jasa dikenang, bakti disanjung.

Selamat bersara, Mohtar Hasim.

Terima kasih kerana pernah menjadi sebahagian daripada perjalanan besar UUM.





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.